

## KENYATAAN MEDIA

### SYARIKAT DIDAPATI BERSALAH MENCURI BEKALAN ELEKTRIK

**Putrajaya 11 Mei 2011** – Syarikat Fibre Pak Malaysia Sdn. Bhd. telah dikenakan hukuman denda RM70,000.00 atau penjara enam (6) bulan sekiranya gagal membayar denda di Mahkamah Majistret Shah Alam semalam kerana didapati bersalah menghalang meter elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari mencatat bacaan yang betul.

Majistret Hafizah Bt. Abd Rajak telah menjatuhkan hukuman itu setelah mendapati syarikat yang diwakili oleh Pengarahnya, Lee Lip Meng, bersalah setelah meneliti penghujahan bertulis pihak pendakwaan dan pihak pembelaan di akhir kes pembelaan.

Syarikat Fibre Pak Malaysia Sdn. Bhd. yang beroperasi di No. 342, Jalan 3D, Kg. Baru Subang, Selangor telah didapati mengusik meter bagi menghalang meter tersebut membuat bacaan penggunaan elektrik dengan tepat.

Syarikat itu dituduh di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan boleh dihukum di bawah subseksyen 37(3) Akta yang sama. Pihak pendakwaan telah mengemukakan lapan (8) orang saksi dan pihak pembelaan telah memanggil sembilan (9) orang saksi untuk memberikan keterangan.

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)

No.12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78

Sabit kesalahan syarikat itu boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Syarikat tersebut telah diwakili peguam S.S.Tieh manakala pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Tenaga, Wan Ahmad Kamal Bin Wan Abdul Malik. Mahkamah telah memerintahkan supaya denda tersebut dibayar oleh tertuduh dan rayuan terhadap hukuman boleh dilakukan dalam tempoh 14 hari dari tarikh hukuman dijatuhkan.

Suruhanjaya berharap hukuman ke atas tertuduh ini menjadi pengajaran kepada semua pihak agar tidak mengusik meter elektrik bagi mengganggu bacaan bil elektrik.

Tamat

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Md Yuha Ismail

Ketua, Komunikasi Korporat Suruhanjaya Tenaga

Telefon: 03-8870 8531 / 8533 / 012-2363394

Faksimili: 03-88888636

Emel: [yuha@st.gov.my](mailto:yuha@st.gov.my)

